

26 APR 1996

Mohamed-Menara

MAHATHIR RASMI MENARA KUALA LUMPUR SEPTEMBER INI

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Menara Kuala Lumpur yang kini pada peringkat akhir pembinaannya dijangka dirasmikan pada minggu pertama September sebagai satu acara sambutan Hari Kebangsaan.

Perdana Menteri Datuk Mahathir Mohamed yang mengilhamkan pembinaan menara itu dan amat berminat dengan perkembangan projek pertama mengikut sistem Bina, Kendali dan Serah itu wajar diberi penghormatan untuk merasmikannya, kata Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

Kerja-kerja sivil bagi menara berharga RM270 juta itu telah siap dan ujian sedang dilakukan bagi aspek kejuruteraannya, kata beliau selepas lawatan sejam ke menara itu hari ini.

Mohamed berkata permohonan sijil kelayakan menara itu juga telah dikemukakan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan jika ia diluluskan, menara itu akan beroperasi mulai Julai.

"Pemasangan kabel untuk penyiaran televisyen dan radio serta telekom telah selesai dan mulai Julai ini ia boleh mula beroperasi," kata Mohamed yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pembinaan Menara Kuala Lumpur.

Mohamed juga berkata ada besar kemungkinan Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan memancarkan rangkaian ketiga televisyen bagi program sukan yang dicadangkan itu dari Menara Kuala Lumpur akhir tahun ini atau awal tahun depan.

Semasa ditanya mengenai kadar yang akan dikenakan kepada umum untuk melawat menara itu, beliau berkata belum ada keputusan dibuat tetapi memberi jaminan bahawa kadarnya adalah berpatutan dan mampu dibayar oleh golongan yang kurang berada.

"Kita mahu seramai mungkin rakyat negara ini melawat menara setinggi 421 meter itu untuk melihat sendiri pembangunan pesat bandaraya kita," katanya.

Pada masa cuaca terang, Selat Melaka dapat dilihat dari tingkat pemerhatian dan ini pasti menarik minat rakyat negara ini terutama pelajar, katanya.

Beliau juga berkata tanah tapak menara itu kini telah dipajak kepada Syarikat Menara Kuala Lumpur Bhd, syarikat yang akan mengendalikan menara itu, selama 15 tahun.

Penyewa utama ialah RTM dan Telekom Malaysia. -- BERNAMA

SJA NMO